

Media Monitoring

Publication: **Harian Metro – Online**
Circulation/Audience: -
Date: **3 December 2007**
Reference: **Monsoon Cup**
Headline: **Williams rangkul dua piala**

Williams rangkul dua piala

PELAYAR dari England, Ian Williams, bertindak cemerlang sebelum muncul juara berganda Piala Monsun 2007 dan juara dunia Kejohanan Kapal Layar Jelajah Dunia (WMRT) 2006/2007, di Kelab Teluk Warisan, Pulau Duyong, Kuala Terengganu, semalam.

Pengemudi Pasukan Pindar yang sudah ditabalkan juara dunia kelmarin selepas melangkah ke peringkat akhir menewaskan pelayar Itali, Paolo Cian, sekali lagi bertindak cemerlang bertemu pasukan Pizza Sailing (PST) yang dikemudi Datuk Peter Gilmour.

Di hadapan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Pasukan Pindar yang juga anak didik pelayar terkenal dunia, Gilmour dari Australia, berjaya menewaskan pasukan yang dibimbing gurunya, PST 3-1.

Sebelum merangkul gelaran Piala Monsun 2007, perlumbaan yang penuh dramatik itu yang disaksikan ribuan peminat tempatan yang membanjiri Perairan Pulau Duyong, menyaksikan Pasukan Pindar tewas pusingan pertama.

Bagaimanapun, pada pusingan kedua hingga keempat, Williams yang baru saja ditabalkan juara baru dunia hasil pungutan 172 mata keseluruhan, langsung tidak memberi peluang kepada pasukan gurunya sebelum menang bergaya.

"Keadaan angin yang bertiup kencang serta arus deras memerlukan kecekapan jurumudi dan pasukan kami berjaya melalui dengan baik tanap sebarang kesulitan untuk menewaskan pasukan PST yang dikemudi guru sendiri iaitu Gilmour," katanya dalam sidang media, semalam.

Gilmour yang muncul juara Piala Monsun 2005 mengakui kehebatan dimiliki pasukan didikannya, Team Pindar yang menewaskan pasukannya dalam saingan kali ini.

"Walaupun pasukan saya tidak berjaya menewaskan pasukan yang dikemudi oleh Ian Williams, saya gembira kehebatan dan kemahiran yang dipamerkan pasukan itu.

"Saya yakin pasukan dari England yang dibimbing pengemudi berusia 31 tahun itu mampu menyinar dan menjadi pelayar tersohor seperti yang sudah dibuktikan sekarang selepas muncul juara Piala Monsun 2007 dan Piala Kristal WMRT 2006/07," katanya.

Dengan kemenangan itu, Team Pindar membawa pulang hadiah wang tunai RM250,000, manakala pasukan yang dibimbing Gilmour mendapat RM150,000 dan ketiga pasukan Team Apport.Net dari Sweden pula mendapat RM100,000.

Piala Monsun 2007 disampaikan Perdana Menteri, manakala Piala WMRT disampaikan Naib Presiden Persekutuan Pelayaran Antarabangsa, David Kellett.

Turut menyaksikan pertandingan berprestij itu isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Azalina Othman Said dan Pengerusi T-Best Event, Datuk Wan Hisham Salleh.



WEBER SHANDWICK
WORLDWIDE